

Tamu Gadang mantapkan kerjasama semua

UMS satu-satunya IPTA yang memperkenalkan acara seumpamanya di Malaysia

UB 06.12.2023 P.06

LABUAN: Penglibatan pelajar dalam menggerakkan program kemahasiswaan adalah salah satu cara mendidik mahasiswa ke arah keseimbangan antara akademik dan bukan akademik seperti keterampilan dan sahsiah diri pelajar.

Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid berkata sistem pembelajaran praktikal adalah medan sebenar bagi menentukan tahap kemahiran yang boleh disumbangkan oleh pelajar apabila memamatkan pelajaran kelak.

Katanya, apa yang mereka lakukan bagi merealisasikan Tamu Gadang ini akan digunakan kembali dalam alam pekerjaan mereka nanti.

"Melalui penerapan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat serta keterbukaan berfikir dengan penuh tanggungjawab dalam kalangan pelajar maka diharap akan mencapai hasil kerja yang berkualiti tinggi.

"Sememangnya kita berbangga dengan keunikan yang ditunjukkan melalui penganjuran Tamu Gadang yang mana UMS merupakan satu-satunya IPTA yang memperkenalkan acara seumpamanya ini di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Tamu Gadang UMSKAL 2023 di Dewan Utama, UMSKAL, Ahad lalu.

Pada majlis itu, Dr. Mohamad Rizal menerima sumbangan Food Bank UMSKAL sebanyak RM20,000 dan sumbangan Tajaan Makanan kepada pelajar asnaf UMSKAL bernilai RM14,000 daripada Pusat Pungutan Zakat - MAIWP yang disampaikan Eksekutif Kanan PPZ, Mohammad Haziq Abang Sapri.

Beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada jabatan dan agensi kerajaan yang bekerjasama menayakan Tamu Gadang 2023.

Turut hadir Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Dr. Noor Hassanah Hussin, Timbalan Dekan (Pascaiswazah dan Pengantarabangsaan) Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Prof. Madya Dr. Muazzafar Hamzah, Ketua Pentadbiran UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah, Penyelaras Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Dr. Syahrul Nizam Salam dan Pengetua Kolej Kediaman UMSKAL, Hadzariah Ismail.

Tamu Gadang merupakan salah satu program utama universiti yang dikelola oleh Sektor Hal Ehwal Pelajar bersama jawatankuasa pelajar dan sektor lain di UMSKAL.

Pelbagai acara menarik seperti pameran, pertandingan sukan dan persembahan disusun untuk pengunjung, khususnya warga Labuan



RASMI: Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek (dua kanan) menerima cenderamata daripada Zamri diperhatikan Ins/PB Rakam Singh A/L Karam Singh.



PRIHATIN: Dr. Mohamad Rizal (kanan) menerima sumbangan daripada Pusat Pungutan Zakat - MAIWP yang disampaikan Eksekutif Kanan PPZ, Mohammad Haziq Abang Sapri.

setiap tahun.

Selain itu, jualan Rahmah dan gerai-gerai yang menjual pelbagai jenis produk turut menjadi tarikan pengunjung.

Secara langsung, dengan adanya program sebegini, dapat membantu taraf sosioekonomi peniaga dan merancakkan industri pelancongan tempatan.

"Penglibatan yang sangat positif daripada masyarakat Labuan dalam penganjuran Tamu Gadang 2023 akan terus menyuntik semangat penganjur untuk memantapkan lagi program ini pada masa akan datang.

"Usahadan kerjasama padu ini pastinya akan diteladani masyarakat melalui kesepakatan yang ditunjukkan,

maka kita dapat melahirkan bangsa yang cemerlang bak kata pepatah "bulat air kerana membentuk, bulat kata kerana muafakat," katanya.

UMSKAL yang berusia lebih 20 tahun ini telah menabur bakti sebagai pusat pendidikan tinggi utama di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga kini, UMSKAL telah melahirkan seramai 11,799 graduan iaitu 9,493 daripada FKAL dan 2,306 daripada FKI sejak beroperasi pada tahun 1999.

Tamu Gadang UMSKAL 2023 diadakan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UMS Kali Ke-25 yang akan berlangsung pada 11 hingga 14 Disember 2023 di Kampus Induk, Kota Kinabalu.



TERBAIK: Anggota bomba dan pelajar bergambar kenangan pada program Hero Malaysia.



KERJASAMA: Dr. Mohamad Rizal (tengah) bersama wakil agensi kerajaan yang menghadiri Majlis Penutupan Tamu Gadang UMSKAL 2023.



MEMUKAU: Persembahan tarian Taming Mas UMSKAL.



MERIAH: Sebahagian pelajar UMSKAL yang memeriahkan Majlis Penutupan Tamu Gadang UMSKAL 2023.



KLINIK: Peserta klinik pengenalan air badminton bersama Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Zulhelmi Ambaran.